

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
KUANTAN, PAHANG
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 1998/1999
25 MEI 1999**

Syukur Alhamdulillah ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan, Persatuan Pandu Puteri Malaysia 1998/1999 di Kuantan, Pahang kali ini. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati majlis kita ini.

2. Bagi pihak ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan seluruh Pandu Puteri dalam negara, patik mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Tengku Permaisuri Selangor sebagai Seri Paduka Baginda Yang di- Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang ke-11 pada 26 April 1999 lalu. Perlantikan Tuanku berdua dialu-alukan dan ahli-ahli Pandu Puteri mendoakan semoga Tuanku berdua bersemayam di atas takhta dipenuhi dengan kebahagiaan dan kesejahteraan serta rakyat negara akan dapat berlindung di bawah naungan Tuanku berdua dengan aman damai. Insyallah.

3. Persatuan Pandu Puteri amat berasa bangga mengalu-alukan kehadiran Tuanku sebagai Penaung Diraja yang baru. Di bawah payung Tuanku, adalah diharap agar ahli-ahli Pandu Puteri bergerak dengan lebih cergas lagi dan meluaskan khidmat kepada masyarakat keseluruhannya. Insyallah.

4. Tahun ini Persatuan Pandu Puteri Pahang telah bermurah hati untuk menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Agung Tahunan dan Seminar Pesuruhjaya Kebangsaan. Saya percaya dengan adanya dua majlis peringkat Kebangsaan ini, ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Negeri Pahang akan memperolehi pengalaman dan pengajaran yang tidak ternilai darinya. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang selaku Yang Dipertua dan semua ahli persatuan yang telah bekerja keras untuk menjayakan kedua-dua majlis yang saya sebutkan tadi. Ini jelas menunjukkan bahawa Persatuan Pandu Puteri Negeri Pahang mempunyai keupayaan untuk mengendalikan aktiviti bukan sahaja di peringkat negeri malahan di peringkat Kebangsaan.

5. Persatuan Pandu Puteri Malaysia mempunyai tujuan membantu, mendidik dan melatih remaja puteri dan wanita supaya taat dan setia, berdikari, berdisiplin, sedia memberi khidmat, mempunyai inisiatif dan daya kreatif dengan harapan menghasilkan warganegara yang peka, berguna, bersih, cekap, amanah dan bertimbang rasa terhadap orang lain. Untuk mencapai tujuan murni ini didikan dan latihan untuk ahli adalah melalui program kepanduan yang mengutamakan sistem kumpulan(Patrol System) yang sebenarnya adalah ciri utama pergerakan kepanduan seluruh dunia.

6. Program kepanduan yang digubal untuk ahli adalah berdasarkan Undang-Undang Pandu Puteri yang bertujuan supaya seseorang ahli itu;

- boleh dipercayai;
- sentiasa taat dan setia;
- suka menolong orang lain;
- bersahabat dengan semua orang dan Pandu Puteri lain;
- sentiasa bersopan santun;
- sentiasa melindungi haiwan dan memelihara alam sekitar;
- sentiasa menurut perintah;
- bersemangat dan bergembira walaupun dalam kesulitan;
- sentiasa berjimat cermat;
- suci dalam fikiran, perkataan dan perbuatan

7. Program kepanduan juga memenuhi minat dan kebolehan semua peringkat ahli melalui sistem latihan dan lencana kecekapan. Seseorang ahli muda digalakkan

berusaha supaya berjaya menjadi seorang Pandu Puteri Raja, manakala pemimpin digalakkan untuk mendapat Mutiara Pemimpin.

8. Selaku Yang Dipertua Persatuan ini, saya berasa amat bangga dengan kejayaan Persatuan ini sepanjang tahun 1997 dan 1998. Kejayaan ini adalah hasil dari usaha pemimpin-pemimpin yang berkaliber, sanggup bersusah payah dan sanggup melalui pelbagai cabaran bagi memantapkan lagi martabat dan keutuhan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

9. Pada November 21, 1997, Persatuan ini mencapai usia 80 tahun. Pada 8 Disember 1997, satu Majlis Jamuan Makan Malam sempena 80 tahun kepanduan telah diadakan oleh Persatuan Pandu Puteri Malaysia dengan kerjasama Persatuan Olave Baden-Powell. Lapan puluh tahun adalah lama bagi sesebuah badan sukarela bergerak maju dalam perjuangannya. Perjuangan ini telah membuktikan bahawa dengan misi dan visi yang jelas serta keazaman yang kuat, ia dapat mengharungi segala cabaran yang dibawa oleh peredaran masa.

10. Pada tahun yang sama Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah menerima sumbangan sebuah van daripada UNHCR sebagai penghargaan penglibatan ahli dalam Projek Bungkusan Keamanan Khas untuk kanak-kanak pelarian dari Bosnia, Vietnam dan sebagainya. Tahun 1997 juga membawa erti kepada mereka yang telah bertungkus lumus memastikan agar Persatuan Pandu Puteri Malaysia mempunyai sebuah bangunan yang bukan sahaja menarik malah serbaguna.

11. Persatuan ini bertambah cergas dengan persiapan untuk menjadi tuan

rumah bagi Kem Komanwel 1998 yang diadakan di Ulu Bendul, Negeri Sembilan. Di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat termasuklah Kerajaan Negeri Sembilan, Persatuan Pandu Puteri Negeri Sembilan para dermawan yang telah menjayakan perkhemahan bersejarah ini. Maklum balas yang sangat positif tentang perkhemahan ini telah membuktikan bahawa Persatuan ini mampu menganjurkan majlis yang bertaraf antarabangsa.

12. Tahun ini Persatuan Pandu Puteri Malaysia melangkah setapak ke hadapan dengan penggubalan Perancangan Strategik lima tahun. Antara lain perancangan ini digubal dengan tujuan kita dapat mencapai matlamat-matlamat berikut:

- a) memastikan semua Persatuan Pandu Puteri Negeri menyediakan Program Kepanduan yang berkualiti;
- b) mencapai pengiktirafan Persatuan Pandu Puteri Malaysia sebagai satu persatuan yang unggul untuk membolehkan gadis dan wanita muda mengenalpasti potensi mereka sepenuhnya; dan
- c) embina pakatan kerjasama (partnership) bagi mempertingkatkan pengaruh dan peluang dana persatuan.

13. Berlandaskan matlamat-matlamat di atas, Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah menggubal Program Tunas Puteri, Pandu Puteri dan Renjer Puteri 1999-2003 untuk dilaksanakan di setiap Persatuan Pandu Puteri Negeri.

14. Satu projek khidmat masyarakat yang bergelar "Titian Emas" telah dilancarkan pada 21 Februari 1999 sempena Hari Peringatan. Tujuan projek ini ialah untuk memberi khidmat kepada wargatua di samping memberi peluang kepada ahli-ahli muda kita berdamping dan mengenali hati budi wargatua agar mereka lebih prihatin serta memahami pemikiran dan ilmu yang ada pada wargatua. Projek ini menjadi lebih bererti kerana dilancarkan pada tahun yang dianggap oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Tahun Wargatua.

15. Adalah harapan dan tujuan Persatuan Pandu Puteri menghasilkan generasi muda yang akan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti, sahsiah yang matang dengan pemupukan nilai-nilai murni yang seimbang dan menyeluruh. Anak-anak muda, kanak-kanak dan remaja perlu sentiasa dipupuk dengan amalan-amalan dan budaya yang berunsur perhubungan baik dan mesra antara wargatua dan muda, antara masyarakat dan diri sendiri, dan memupuk juga amalan hormat-menghormati antara satu dengan yang lain. Anak-anak muda dilantik bersikap simpati dan prihatin terhadap golongan-golongan yang kurang bernasib baik dan membantu mereka dengan sedaya upaya. Amalan penyayang adalah sikap yang mulia dan perlu ada di dalam sanubari anak-anak muda dari kecil lagi.

16. Semangat taat setia, mencintai negara dan menghargai keamanan, perpaduan dan harmonis antara rakyat akan sentiasa ditegaskan oleh Persatuan-persatuan

Pandu

Puteri.

17. Selain itu adalah diharapkan Pandu Puteri dibimbing untuk bersyukur atas apa jua nikmat yang telah didapati oleh diri, keluarga dan masyarakat.

18. Untuk menentukan pemimpin muda mendapat seberapa banyak pengalaman, di semua persidangan antarabangsa yang Persatuan hadiri, seperti Persidangan Asia Pasifik di Brisbane, Australia pada tahun 1998, 2 orang pemimpin muda dihantar. Pada tahun ini seorang pemimpin muda akan hadir sebagai pemerhati di Persidangan Dunia di Dublin, Ireland pada Julai ini.

19. Walaupun kita telah 80 tahun berkecimpung dengan jayanya dalam arena pendidikan bukan formal bagi wanita remaja dan dewasa, Persatuan Pandu Puteri Malaysia akan tetap berhadapan dengan cabaran-cabaran yang tidak diduga dan kompleks dengan realiti-realiti baru yang kadangkala di luar dugaan kita. Kita mempunyai tanggungjawab untuk menjana kemajuan dan pembangunan negara. Saya berharap Persatuan ini akan terus berjuang demi menjamin masa hadapan rakyat Malaysia kekal cerah dan makmur.